

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF *kepada Pemegang Unit*

PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI,

Tahun 2023 menandakan titik perubahan penting bagi Hektar REIT, yang dicirikan oleh beberapa pencapaian penting sejak penubuhan kami pada tahun 2006. Hektar REIT memulakan tahun ini dengan kejayaan mengagihkan salah satu hasil dividen tertinggi di antara REIT yang tersenarai di Malaysia. Menutupi tahun 2023, Hektar REIT selanjutnya telah membuat satu pengumuman penting kepada pemegang unit mengenai cadangan diversifikasi portfolio Hektar REIT. Keputusan strategik Hektar REIT untuk meneroka diversifikasi portfolio merupakan bukti komitmen kami untuk memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami yang dihormati.

JOHARI SHUKRI BIN JAMIL

Pengarah Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif



Memulakan tahun 2023 dengan optimisme berhemat di tengah-tengah landskap ekonomi yang tidak menentu, dibentuk oleh dasar monetari yang agresif sebagai tindak balas terhadap tekanan inflasi, saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa prestasi aset portfolio kami menunjukkan peningkatan yang berterusan, disebalik cabaran yang dihadapi. Trajektori positif ini adalah bukti komitmen kami yang teguh untuk mengoptimumkan operasi dan mengukuhkan kekuatan asas kami.

Selaras dengan objektif strategik kami, kami dengan teguh mengekalkan fokus kami untuk memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami sambil secara aktif dan bijaksana mengejar peluang pertumbuhan. Komitmen ini mencerminkan dedikasi kami terhadap pengurusan kewangan yang mantap dan kemakmuran jangka panjang Hektar REIT.



Pendapatan Kasar

RM111.5 juta

2022: RM117.5 juta



Jumlah Aset

RM1.3 bilion

2022: RM1.2 bilion

ULASAN PASARAN

Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun 2023 kembali normal kepada 3.7%, berbanding pertumbuhan yang lebih pesat pada tahun sebelumnya (2022: 8.7%). Pertumbuhan kembali sederhana didorong oleh persekitaran luaran yang mencabar. Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan peluang pekerjaan dan pendapatan yang kembali rancak pasca-pandemik.

Dari segi inflasi, walaupun inflasi utama terus menyederhana, inflasi teras kekal melebihi kadar purata sejarahnya, yang menyebabkan keputusan BNM untuk meningkatkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 3.0% pada bulan Mei. Disebalik momentum pemulihan ekonomi yang berterusan, ekonomi global terus dibelenggu oleh tekanan kos yang semakin meningkat dan kadar faedah yang meninggi. Untuk menangani situasi ini, Hektar REIT telah melancarkan program pengimbangan semula hutang yang teliti untuk menangani persekitaran kos faedah yang tinggi.

Tahun 2023 juga menyaksikan peningkatan kos penjanaan tenaga elektrik bagi TNB disebabkan oleh kenaikan harga bahan api, yang menyebabkan peningkatan surcaj Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) untuk pengguna bukan domestik, termasuk pengendali pusat beli-belah seperti Hektar REIT. Peningkatan surcaj ICPT yang dramatik (dari 3.7 sen/kWj kepada 20 sen/kWj untuk separuh pertama tahun 2023, yang kemudiannya dikurangkan kepada 17 sen/kWj untuk separuh kedua tahun 2023) telah mendorong Pengurus untuk mempercepat inisiatif pengoptimuman kos kami untuk menampung kenaikan kos utiliti yang membentuk sebahagian besar perbelanjaan Hektar REIT.



Sebaliknya, industri runcit Malaysia telah mencatat permulaan yang cemerlang pada tahun ini, dengan pertumbuhan runcit suku pertama pada kadar 13.8% dari tahun ke tahun, seperti yang dilaporkan oleh Retail Group Malaysia, mengatasi anggaran awal sebanyak 9.2%. Sepanjang tahun 2023, industri runcit terus menyederhana akibat perubahan trend perbelanjaan pengguna disebabkan oleh kos sara hidup yang lebih tinggi, dengan jangkaan pertumbuhan industri runcit secara keseluruhan sebanyak 2.8%.

ULASAN PORTFOLIO

Kami yakin bahawa kadar penghunian portfolio secara keseluruhan untuk Hektar REIT telah mencapai tahap terendahnya pada tahun 2022, menandakan pemulihan yang kukuh ke tahap pra-pandemik. Ini dibuktikan oleh peningkatan yang konsisten dalam kadar penghunian portfolio, yang meningkat daripada 82.0% pada tahun 2022 kepada 86.7% bagi tahun 2023. Trajektori pertumbuhan kadar penghunian ini dijangka akan berterusan selaras dengan peralihan keluar kami daripada strategi 'Occupancy First' yang dilaksanakan dalam era pasca pandemik. Tiga pusat beli-belah kami telah berjaya mencapai kadar penghunian melebihi 90%, dengan Kulim Central hampir mencapai penghunian penuh.

Dari segi prestasi kewangan, portfolio Hektar REIT mencatatkan Pendapatan Hartanah Bersih (NPI) sebanyak RM60.05 juta, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 2.32% dari tahun ke tahun yang disumbangkan oleh pengoptimuman kos yang berhemat. Penyumbang utama kepada keuntungan ini ialah Mahkota Parade, didorong oleh saiz, penghunian keseluruhan yang tinggi, dan statusnya sebagai pusat beli-belah serantau terkemuka di selatan Malaysia. Menyusuli dengan rapat di tempat kedua ialah Subang Parade, yang disebalik kadar penghunian semasanya, mempunyai potensi yang besar untuk bangkit semula ke zaman kegemilangannya. Sejajar dengan itu, pelbagai tindakan sedang diambil untuk memposisikan semula Subang Parade secara strategik, termasuk melalui strategi penyewaan yang proaktif, usaha pemasaran yang lebih intensif, dan penambahbaikan fasiliti yang terancang. Dengan penawaran pengalaman pelanggan yang lebih menarik, kami menasaskan untuk menyaksikan peningkatan prestasi di Subang Parade bermula dari tahun 2024.

Selepas tiga tahun berturut-turut menghadapi cabaran dalam pengembalian sewa portfolio, impak daripada program bantuan sewa semasa wabak COVID-19 dan waktu pelaksanaan pencampuran semula penyewa yang melibatkan penyewa utama, dengan sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa Hektar REIT telah merekodkan pengembalian sewa keseluruhan yang positif pada tahun 2023. Untuk masa akan datang, kami menjangkakan pertumbuhan positif yang berterusan dalam

pengembalian sewa portfolio, didorong oleh peningkatan dan penambahbaikan yang berterusan merentasi semua pusat beli-belah kami.

Dalam usaha gigih untuk meningkatkan pengalaman membeli-belah di pusat beli-belah kami, kami terus komited untuk melaksanakan inisiatif pemasaran secara intensif yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah pelawat di seluruh portfolio kami. Peningkatan ketara sebanyak 10% dalam trafik pengunjung keseluruhan, dengan jumlah kira-kira 23.2 juta pengunjung pada tahun 2023, adalah bukti kejayaan usaha pemasaran yang kami lancarkan dengan lebih intensif. Inisiatif ini merangkumi pelbagai kempen promosi jualan dan pendorong trafik yang dilaksanakan dengan terperinci di semua pusat beli-belah kami.

Mengakui peranan penting penglibatan digital dalam landskap masa kini, kami secara strategik mengambil pendekatan mengguna pakai platform dalam talian yang inovatif serta penggunaan teknologi canggih. Pendekatan ini meluaskan jangkauan kami kepada khalayak yang lebih luas dengan lebih berkesan, seterusnya meningkatkan keupayaan kami untuk berhubung dengan pengguna dan menarik mereka untuk mengalami pelbagai tawaran di dalam pusat beli-belah kami. Komitmen kami yang teguh kepada kecemerlangan pemasaran menandakan dedikasi kami dalam mencipta ruang yang mempunyai daya tarik yang sejajar dengan keinginan pengunjung kami yang sentiasa berubah. Dalam usaha kami untuk terus maju, kami akan terus berinovasi dan memanfaatkan inisiatif ini untuk memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam trafik pengunjung, yang akan mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai destinasi terunggul untuk peruncitan, hiburan, dan penglibatan komuniti.

DIVERSIFIKASI PORTFOLIO

Dalam Pekeliling kepada pemegang unit bertarikh 21 Disember 2023, kami telah mengusulkan pengambilalihan dan penyewaan Kolej Yayasan Saad, yang menandakan pengambilalihan aset bukan runcit pertama Hektar REIT dalam sejarah 17 tahun kami. Cadangan ini telah diluluskan dengan jayanya oleh pemegang unit dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 15 Januari 2024, dan Pengurus menjangkakan bahawa pengambilalihan ini akan selesai pada suku kedua tahun 2024. Setelah selesai, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) Hektar REIT akan meningkat kepada RM1.38 bilion, dan aset ini akan menyumbang sebanyak 7% penambahan kepada Pendapatan Kasar Hektar REIT.

Keputusan strategik oleh Hektar REIT untuk menerokai diversifikasi ini adalah bukti komitmen kami yang teguh untuk memberikan pulangan nilai yang berterusan kepada pemegang unit kami yang dihormati. Menyedari sektor peruncitan, sama seperti semua industri, boleh dipengaruhi oleh kitaran ekonomi, keyakinan kami dalam diversifikasi timbul daripada potensinya untuk membolehkan Hektar REIT menangani potensi sebarang kemerosotan dalam sektor peruncitan dengan memanfaatkan keuntungan daripada sektor-sektor lain. Menceburi sektor baharu bukan sahaja membuka pintu kepada aliran pendapatan baharu, tetapi juga secara strategik mengurangkan risiko yang berkaitan akibat pergantungan pada satu sektor sahaja.



Sebagai REIT yang pertama di Malaysia yang memberi tumpuan kepada peruncitan, Hektar REIT amat berbangga dengan warisan ini, dengan aset yang cukup besar di bawah pengurusan kami dalam portfolio peruncitan, yang menekankan pengalaman kami yang luas dengan kehadiran yang berterusan dalam domain peruncitan. Namun, selaras dengan etos berfikir jauh kami, kami mengakui keperluan evolusi dan penyesuaian kepada dinamik pasaran yang berubah dengan masa. Walaupun identiti teras kami kekal berakar umbi dalam peruncitan, usaha diversifikasi kami tidak mengurangkan identiti ini. Sebaliknya, kami melihat diversifikasi sebagai cara untuk meningkatkan keupayaan kami dan meneroka peluang dalam sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, memastikan portfolio kami kekal dinamik, berdaya tahan, dan bersedia untuk memperoleh hasil yang lebih tinggi.

Selaras dengan prinsip-prinsip yang diamal oleh mana-mana organisasi yang progresif, kami mengakui kepentingan evolusi dan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan daya pasaran yang dinamik. Walaupun identiti teras kami dari segi sejarah berkisar di sekitar bidang peruncitan, komitmen kami terhadap diversifikasi tidak mengurangkan identiti asas ini. Melangkah ke hadapan, kami berpegang teguh pada usaha kami untuk mencari aset yang memberikan pulangan bertambah dan berusaha untuk meneroka peluang dalam sektor peruncitan dan bukan peruncitan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi.

ULASAN KEWANGAN

Pembiayaan

Pembiayaan semasa Hektar REIT berjumlah RM562 juta, di mana jumlah yang perlu dibayar pada tahun 2024 telah dibiayai semula untuk tempoh kematangan yang lebih panjang. Dalam tempoh tinjauan, Pengurus telah melancarkan program pengimbangan semula hutang melalui pengenalan Pelan Pelaburan Semula Agihan Pendapatan (IDRP) dan pembiayaan semula kemudahan sedia ada dengan kadar keuntungan yang lebih rendah dan lebih fleksibel. Pengurus juga telah mewujudkan program Nota Tempoh Sederhana berjumlah RM500 juta, dengan Tranche Terjamin pertama sebanyak RM215 juta, diberi penarafan AAA(fg) oleh RAM Rating Services Berhad, berjaya diterbitkan pada 15 Februari 2024. Hasil tersebut bukan hanya akan digunakan untuk menambah baik profil kematangan hutang Hektar REIT, tetapi juga untuk membina dana persediaan Hektar REIT dalam mengejar pengambilalihan yang bermakna pada masa hadapan.

Nisbah penggearingan Hektar REIT telah menurun kepada 42.8% pada penghujung tahun 2023 daripada 44.6% pada akhir tahun 2022, memberikan ruang upaya untuk meneroka pengambilalihan yang boleh memberikan hasil yang tinggi pada masa hadapan.



Pengagihan

Kami tetap komited untuk mengekalkan dasar pengagihan sekurang-kurangnya 90% daripada pendapatan boleh agih kami dan telah mengumumkan pada 23 Januari 2024, pengagihan pendapatan seunit (DPU) terakhir sebanyak 2.3 sen untuk suku keempat yang berakhir pada 31 Disember 2023, menjadikan jumlah pengagihan kami untuk tahun kewangan 2023 sebanyak 5.0 sen seunit. Berdasarkan harga penutupan sebanyak 65 sen pada 29 Disember 2023, DPU ini mewakili hasil kira-kira 7.7%. Pada akhir tahun 2023, Hektar REIT mempunyai lebih daripada 7,000 pemegang unit – ini adalah bukti keyakinan pelabur runcit terhadap asas yang kukuh dan prospek pertumbuhan masa hadapan Hektar REIT.

Cadangan Korporat

Pada 11 Oktober 2023, UOB Kay Hian Securities (M) Sdn Bhd, mewakili Pengurus, mengumumkan bahawa Hektar REIT berhasrat untuk melaksanakan penempatan persendirian sehingga 20% daripada jumlah unit Hektar REIT yang dikeluarkan berdasarkan kuasa yang diberikan oleh pemegang unit pada AGM bertarikh 6 April 2023. Saiz penempatan tersebut kemudiannya ditukar kepada 15% selaras dengan pengumuman yang dibuat pada 7 November 2023. Saya berbesar hati untuk berkongsi dengan pemegang unit bahawa pelaksanaan penempatan persendirian telah berjaya diselesaikan pada 15 Disember 2023, di mana saiz penempatan 15% telah dikeluarkan sepenuhnya dalam satu terbitan, dan jumlah hasil sebanyak RM42.5 juta telah dikumpulkan. Beberapa pemegang unit institusi baharu telah dialu-alukan dalam pelaksanaan penempatan persendirian ini, menjadikan profil pemegang pelaburan Hektar REIT lebih mantap dan luas.

KEMAMPANAN

Kemampuan telah mengekalkan kedudukan utamanya sepanjang tahun 2023 di Hektar REIT. Kami menjalankan Penilaian Materialiti yang terperinci, menekankan dedikasi kami dalam memberikan keutamaan kepada isu-isu yang paling penting untuk organisasi kami. Proses yang kukuh ini mengesahkan komitmen kami terhadap kecemerlangan perniagaan dan meningkatkan pengurusan cekap dalam aspek Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) yang penting kepada pemegang kepentingan kami. Selain itu, kami menyelaraskan faktor-faktor material kami dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG), satu langkah terancang untuk memaksimumkan impak positif kami di peringkat global. Sebagai bukti komitmen kami terhadap kemampuan, Hektar REIT dengan bangga mempertahankan status kami sebagai ahli konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia. Ini berfungsi sebagai inspirasi dan dorongan untuk terus meningkatkan inisiatif di ketiga-tiga dimensi teras ESG, menanamkan prinsip-prinsip ini secara mendalam dalam DNA perniagaan kami.

Sambil mengekalkan komitmen kami terhadap kelestarian alam sekitar, fokus kami pada tahun 2023 telah berkembang melangkaui domain ekologi untuk meliputi aspek sosial. Evolusi ini terbukti dalam peningkatan jam latihan yang diperuntukkan untuk kakitangan kami, menunjukkan dedikasi kami terhadap pembelajaran berterusan dan pembangunan kemahiran. Selain itu, langkah pematuhan yang ketat telah dilaksanakan melalui inisiatif latihan antirasuah dan antikorupsi, yang menekankan komitmen kami untuk menegakkan standard etika yang tinggi. Kami juga telah mengikrarkan komitmen kami terhadap hak asasi manusia, mengakui peranan penting yang kami mainkan dalam menggalakkan dan melindungi prinsip-prinsip asas ini. Peningkatan aktiviti dan sumbangan kami kepada Tanggungjawab Sosial Korporat khususnya menggariskan komitmen kami untuk memberikan impak positif kepada komuniti yang kami berkhidmat. Memandang ke hadapan, kami kekal komited untuk terus memajukan usaha kami dalam menguruskan hal kemampuan material, termasuk pemuliharaan alam sekitar, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, pengurusan air dan sisa, dan penggunaan tenaga. Komitmen kami yang teguh termasuk penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam campuran tenaga kami, mengukuhkan peranan kami sebagai penjaga yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh dalam bidang pelaburan hartanah.

ANUGERAH

Pada tahun 2023, dedikasi Hektar REIT terhadap penglibatan komuniti mendapat pengiktirafan di Anugerah Kelestarian dan CSR Malaysia, dalam kategori "Syarikat Tahunan – Terbaik dalam Pelaporan Kelestarian & Sokongan Komuniti". Selama bertahun-tahun, Hektar REIT telah aktif menjalin pelbagai perkongsian dan kerjasama dengan organisasi tempatan dan antarabangsa. Inisiatif ini secara konsisten memberikan sokongan penting kepada NGO dan program amal yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Selaras dengan komitmen ini, usaha kami telah diperluaskan untuk memajukan dan memperkasakan wanita, memupuk kebebasan kewangan yang lebih baik untuk kebaikan keluarga.

Kami berbesar hati untuk berkongsi berita gembira bahawa Hektar REIT telah mendapat pengiktirafan dengan menerima dua Anugerah Emas berprestij pada Anugerah ESG The Edge Malaysia 2023. Penghargaan ini diberikan dalam kategori "Anugerah ESG dan Pulangan Dividen Cemerlang" serta "Anugerah Amanah Pelaburan Hartanah (REIT)". Anugerah tersebut merupakan penghargaan kepada syarikat Malaysia yang komited untuk memajukan operasi perniagaan mereka selaras dengan prinsip ESG. Pengiktirafan ini amat membanggakan kerana ia mencerminkan dedikasi kami yang kukuh terhadap inisiatif kelestarian, iaitu satu fokus yang kami mulakan pada tahun 2017 yang tertumpu pada tiga tonggak iaitu alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Kepentingan anugerah-anugerah ini sangat mendalam, mewakili satu peristiwa bersejarah dan mendorong kami melangkah lebih jauh dalam misi kelestarian kami. Memandang ke hadapan, kami mengekalkan komitmen yang mendalam untuk bukan sahaja mempertahankan tetapi juga melebihi standard yang tinggi yang telah memberikan kami pengiktirafan ini. Kami mengakui tanggungjawab berat yang datang bersama kejayaan ini, dan kami menerimanya dengan penuh semangat dan dedikasi yang teguh. Perjalanan kami adalah berterusan, dan dengan tiga anugerah ini sebagai bintang pembimbing, kami bertekad untuk meneroka peluang baharu. Kami yakin bahawa menerima pakai pendekatan kelestarian bukan sekadar satu pilihan tetapi satu jalan pasti yang menuju ke masa depan yang lebih menjanjikan untuk semua.

Hektar REIT terus memegang teguh komitmennya untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip ESG dalam setiap aspek perniagaan kami, daripada pengurusan kewangan hingga operasi dan perancangan masa depan. Dedikasi ini berfungsi sebagai landasan kepada misi kami, dengan tujuan memberikan nilai yang kukuh dan berkekalan kepada pemegang kepentingan kami, memposisikan kami untuk masa depan yang makmur dan mampan.

Saya ingin mengiktiraf usaha pasukan undang-undang kami yang telah dinamakan sebagai finalis untuk kategori 'In-House Counsel of the Year' dan 'In-House Industry Awards (Property, Infrastructure & Logistics)' di Anugerah Counsels of the Year 2023 In-House Community (IHC) pada November 2023. Anugerah berprestij ini mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada pasukan perundangan dan peguam syarikat yang telah menunjukkan komitmen yang teguh untuk mencapai kecemerlangan dalam peranan mereka.

MELANGKAH KE HADAPAN

Momentum ekonomi Malaysia dijangka akan mendapat daya tarikan pada tahun yang akan datang, dengan unjuran pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5%-5.5% pada tahun 2024; dan landskap industri runcit berada dalam kedudukan yang baik untuk pertumbuhan yang lebih memberangsangkan pada 3.5% atas asas penurunan inflasi. Walau bagaimanapun, Pengurus mengekalkan pendirian yang optimistik dengan berhati-hati, komited untuk memperkukuh portfolio kami berhadapan dengan cabaran yang tidak diduga dalam pasaran dan pergerakan industri yang dijangka pada tahun 2024.

Objektif utama kami kekal teguh – untuk memberikan pulangan yang kukuh kepada pemegang unit kami yang dihormati. Strategi utama untuk mencapai matlamat ini adalah dengan memastikan aset dalam portfolio kami menghasilkan pulangan yang teguh, stabil dan boleh memberikan pulangan yang konsisten. Dalam kapasiti kami sebagai pengurus aset, kami komited untuk terus menilai, memposisikan semula, dan memaksimumkan potensi aset sedia ada kami. Pada masa yang sama, kami secara aktif mencari aset baharu dengan potensi pertambahan pulangan untuk disepadukan ke dalam portfolio kami dengan lancar.

Dalam jangka pendek hingga sederhana, pandangan strategik kami menjangkakan aset runcit akan mengekalkan kehadiran yang besar, dengan kelas aset lain secara beransur-ansur berkembang untuk mencapai komposisi yang lebih seimbang dan pelbagai. Dalam masa lima tahun akan datang, kami menjangkakan satu senario di mana sekurang-kurangnya 20% daripada portfolio kami, diukur mengikut nilai aset, akan terdiri daripada aset bukan runcit. Walau bagaimanapun, realisasi unjuran ini adalah bergantung pada prestasi kolektif aset dalam portfolio kami.

Apabila mempertimbangkan jenis aset baharu, pengurusan kami menilai dengan teliti keupayaan kami untuk mengawasi ciri-ciri uniknya dengan berkesan. Tumpuan bukan sahaja pada memaksimumkan pulangan tetapi juga pada mengurangkan risiko operasi yang mungkin timbul selepas pengambilalihan. Pendekatan yang teliti ini adalah penting untuk mengekalkan strategi pelaburan yang seimbang dan berdaya tahan, melindungi aliran pendapatan kami, dan memastikan kemakmuran yang berterusan bagi Hektar REIT.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Frasers Centrepoint Trust (FCT), rakan kongsi strategik jangka panjang kami dari tahun 2006 hingga 2023. Hektar REIT telah mendapat banyak manfaat daripada pengalaman FCT yang luas dalam pengurusan aset runcit dan pengendaliannya yang cekap terhadap portfolio yang luas.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Richard Ng, Encik Philip Eng Heng Nee, dan Cik Audrey Tan Loo Ming, yang telah berkhidmat di Lembaga Pengarah sebagai wakil FCT. Dedikasi dan sokongan yang kukuh mereka kepada Hektar REIT adalah tidak ternilai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Hasli bin Hashim, Datuk Siti Zauyah Md Desa, Puan Zarina Halim, dan Dr Chew Tuan Chiong, yang telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah kami untuk mengejar minat mereka. Komitmen dan sumbangan mereka semasa menjadi ahli Lembaga Pengarah amat dihargai.

Pasukan pengurusan Pengurus juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pemegang kepentingan atas ketabahan mereka dalam menghadapi cabaran sepanjang tahun ini. Sementara kami terus melalui dan mengatasi rintangan, kami tetap berdedikasi dan mengharap sokongan berterusan daripada semua pemegang kepentingan kami dalam usaha untuk melonjakkan Hektar REIT ke tahap yang lebih tinggi pada tahun 2024.

JOHARI SHUKRI BIN JAMIL

Pengarah Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif